

Analisis Kutipan Zakat Pendapatan di Negeri Kedah bagi Tahun 2012 hingga 2018

Mohd Adib Abd Muin^{1*}, Mohd Sollehudin Shuib¹, Azizah Che Omar², Amirul Haqeeem Abd Ghani¹ dan Shuhairimi Abdullah³

¹Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010, Sintok, Kedah.

²Pusat Pengajian Multimedia dan Teknologi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010, Sintok, Kedah.

³Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kompleks Pusat Pengajian UniMAP (Blok B), Jalan Kangar-Arau, 02600 Jejawi, Arau Perlis.

ABSTRAK

Zakat merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan dalam Islam, malah ia menjadi sumber kepada ekonomi Islam dalam meningkatkan kedudukan ekonomi, nilai sosial dan keadilan kepada masyarakat untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik. Zakat diagihkan kepada lapan golongan asnaf (fakir, miskin, amil, mualaf, arriqab, algharimin, fisabilillah dan ibn sabil). Kertas kerja ini membincangkan analisis umum terhadap jumlah kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah bagi tahun 2012 hingga 2018. Berdasarkan analisis kajian terhadap laporan tahunan dan maklumat dari Pejabat Transformasi Zakat Kedah menunjukkan bahawa berlaku peningkatan sebanyak RM50 juta dengan kadar 83 peratus dalam tempoh tujuh tahun. Hal ini berkemungkinan akan terus meningkat hingga mencapai kepada angka RM200 juta pada tahun 2025. Dalam usaha mengembangkan zakat pendapatan di negeri Kedah, pihak LZNK perlu meneruskan kecemerlangan ini dengan memastikan kesedaran dan kepentingan melalui urus tadbir yang baik agar matlamat selari dengan visi yang telah ditetapkan.

Kata Kunci: Analisis, Kutipan, Zakat Pendapatan, Negeri Kedah.

1. PENGENALAN

Ibadah zakat menjadi salah satu rukun yang wajib ditunaikan bagi setiap umat Islam yang mukallaf. Zakat merupakan salah satu elemen penting dalam meningkatkan pembangunan ekonomi Islam. Melalui perlaksanaan zakat, masalah jurang kemiskinan dapat dikurangkan seterusnya mampu menstabilkan keperluan kehidupan masyarakat terutamanya golongan asnaf. Terdapat 82 ayat di dalam al-Quran yang Allah SWT telah perintahkan kepada manusia untuk menunaikan zakat beserta dengan perintah solat (Muhammad Zakariyya Khandhalawi, 2016). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) Bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

(Terjemahan surah al-Baqarah, 2: 43)

Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran bahawa kewajipan menunaikan zakat itu adalah sebahagian dari ciri-ciri orang beriman. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*Koresponden: mohdadib@uum.edu.my

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah SWT dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah SWT; Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”

(Terjemahan surah al-Taubah, 9: 71)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT telah menjanjikan rahmat-Nya kepada manusia bagi yang membayar zakat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tetapkanlah untuk kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada-Mu. Allah SWT berfirman: Azab-Ku akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertakwa, dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami.”

(Terjemahan surah al-‘Araf, 7:156)

Golongan asnaf yang berhak menerima zakat telah dirakamkan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah SWT dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewaban dari Allah SWT. Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

(Terjemahan surah at-Taubah, 9:60)

Menurut perlembagaan Malaysia, pengurusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab negeri-negeri masing-masing sebagaimana klausa 97 (3) Perlembagaan Malaysia (Perlembagaan Persekutuan, 2006):

“Mengikut undang-undang persekutuan apa-apa zakat fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”

Lanjutan daripada peruntukan yang ada dalam perlembagaan Malaysia ini, maka setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai kuasa masing-masing dalam mentadbir, mengurus, mengelola serta mengagihkan segala hasil dana zakat yang dikutip di setiap negeri. Di Malaysia, terdapat 14 buah MAIN yang memastikan golongan asnaf disantuni dan dihargai. Sepanjang penubuhan MAIN, pengurusan zakat telah melalui proses pembaharuan dan penambahbaikan dalam banyak aspek seiring dengan perubahan revolusi industri 4.0, peredaran masa yang begitu pantas, keadaan persekitaran yang semakin mencabar dan perkembangan teknologi yang begitu moden. Sejak beberapa dekad yang lalu, pihak MAIN telah berusaha dengan gigih dan jayanya dalam memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada golongan asnaf dan pembayar zakat. Berdasarkan data yang diperolehi di laman sesawang agensi zakat di MAIN, hampir kesemua agensi zakat telah berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan kutipan, agihan dan pengurusan zakat ke tahap yang lebih baik. Justeru itu, artikel ini akan fokus kepada Agensi Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bagi menganalisis prestasi zakat pendapatan bermula tahun 2012 hingga tahun 2018.

2. ZAKAT PENDAPATAN

Zakat pendapatan berdasarkan majlis fatwa negeri Kedah adalah (Sumber laman sesawang LZNK):

"Jawatankuasa fatwa telah mengkaji mengenai pembayaran zakat ke atas pendapatan gaji dan lain-lain sumber pendapatan yang diterima yang ada kaitan dengannya dan bersetuju memberi pandangan bahawa wang gaji, elauan, hadiah dan lain-lain pendapatan yang diberi oleh seseorang dari semasa ke semasa hendaklah dengan bertaqlidkan Mazhab Hanafi disatukan dengan wang yang terkumpul dan hendaklah dizakatkan ketika genap haul yang bermula dari sejak cukup nisab, ini bermakna apa-apa pendapatan yang diperolehi pada pertengahan haul, hendaklah dizakatkan sekali pun belum genap haul bagi tiap-tiap satu pendapatan itu."

Zakat pendapatan dalam kertas kerja ini adalah merujuk kepada sumber pendapatan gaji dan upah yang diterima selepas melakukan sesuatu pekerjaan. Menurut al-'Aydarus (2014), zakat pendapatan yang merujuk kepada gaji dan upah tergolong dalam pengertian zakat *mal al-mustafad*, iaitu sesuatu jumlah yang diperolehi oleh seseorang dan memilikinya dengan pemilikan yang baharu ketika dalam haul melalui jalan yang tidak melanggar hukum syarak. Zakat *mal al-mustafad* adalah harta pendapatan yang diperolehi daripada kerja hakiki yang dilakukan oleh orang Islam seperti hasil harta-harta yang diperolehi para pekerja sebagai punca pendapatan berbentuk gaji, upah kerja, ganjaran ahli professional seperti doktor, peguam, arkitek, jurutera, pakar runding dan pendapatan lain (Razali & Muhsin, 2017 & Fidlizan *et al.*, 2015).

Menurut al-Qaradawi (1994) menyatakan bahawa zakat pendapatan terhasil daipada satu bentuk usaha perdagangan, perniagaan atau ternakan melalui perseorangan atau syarikat, pendapatan melalui gaji atau upah sesuatu pekerjaan dan perkhidmatan yang dilakukan serta pendapatan berdasarkan sesuatu keadaan seperti hadiah, warisan pusaka, subsidi atau terhasil dari pendapatan pindahan, maka ia diklasifikasikan di bawah zakat pendapatan. Pandangan empat mazhab terkenal seperti Imam Malik, Imam Hanafi, Imam Syafie dan Imam Hanbali berpendapat bahawa zakat pendapatan wajib melalui haul setahun (Ibn Hazm, 1349H; Ahmad ibn Hanbal, 1981 dan al-Zuhayli, 1989).

Majoriti ahli fuqaha kontemporari di Malaysia bersetuju dengan pelaksanaan zakat pendapatan berdasarkan haul dan pengiraan zakat pendapatan tersebut dijumlahkan kesemua pendapatan dari pelbagai sumber dalam tempoh setahun dan ditolak dengan keperluan perbelanjaan asas yang lebih kurang sama dengan kadar perbelanjaan yang digunakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) (Razali & Muhsin, 2017).

Menurut Mahmood Zuhdi (2002), pendapatan seseorang individu adalah pelbagai, maka kefahaman dan kesedaran individu dalam mengenal pasti sumber dan nilai bayaran yang diperoleh bagi tujuan pengiraan jumlah zakat yang perlu dikeluarkan adalah sangat penting terutamanya dari sudut halal dan haram. Hal ini demikian kerana bagi memastikan setiap harta yang dimiliki tidak dicemari dan selari dengan kehendak syarak.

Kadar nisab bagi zakat pendapatan asasnya adalah sama seperti zakat emas seberat 85gram, iaitu 20 mithqal atau 200 dirham. Pandangan al-Qaradawi (1994) untuk nisab zakat pendapatan adalah berasaskan nilai nisab emas dan tidak mengikut pusingan haul. Hal ini menunjukkan sedikit perbezaan dengan Muhammad Ghazali (2005), iaitu nisab zakat pendapatan adalah berasaskan kadar nisab zakat pertanian. Al-Qardawi (1994) telah memberikan dua langkah berkenaan dengan nisab, iaitu:

- i. Nisab diambil kira bermula pada waktu seseorang itu mendapat gaji atau upah. Oleh itu, kewajipan bagi mengeluarkan zakat pendapatan bermula pada waktu yang sama jika nisab mencukupi ataupun melebihi kadar nisab yang ditetapkan.
- ii. Nisab ditentukan apabila individu itu mengumpulkan kesemua jumlah gaji atau upah pada waktu tertentu dengan mencukupi tempoh setahun sama dengan zakat pertanian. Namun kaedah ini tertakluk kepada pemerintah.

Terdapat dua kaedah bagi mengeluarkan zakat pendapatan di negeri kedah, iaitu:

- i. Kaedah pertama: 2.5% atas jumlah pendapatan kasar setahun. Contoh gaji RM2,500 sebulan \times 12 bulan = RM30,000. Jumlah zakat pendapatan yang dikenakan adalah $RM30,000 \times 2.5\% \text{ setahun} = RM750$ (RM62.50 sebulan).
- ii. Kaedah kedua: Pendapatan setahun ditolak dengan keperluan hidup (asas) setahun. Contoh gaji sebulan RM2,500 \times 12 bulan = RM30,000. Kemudian jumlah tersebut ditolak dengan keperluan hidup [RM9,000 (diri sendiri), RM3,000 (isteri) RM1,000 (setiap orang anak)] = RM13,000. Jumlah gaji setahun RM30,000 - jumlah keperluan hidup RM13,000 = RM17,000. Kadar zakat yang dikenakan ialah $RM17,000 \times 2.5\% \text{ setahun} = RM425$ (RM35.41 sebulan).

3. JUMLAH KUTIPAN ZAKAT PENDAPATAN DI NEGERI KEDAH

Kertas kerja ini tertumpu kepada kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah hasil kutipan dari 13 daerah (Bandar Baharu, Baling, Kulim, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kota Star + UTC, Langkawi, Pendang, Pokok Sena, Padang Terap, Sik, Yan dan ibu pejabat LZNK) bagi tahun 2012 hingga 2018. Kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah meningkat daripada RM60 juta pada tahun 2012 kepada RM110 juta pada tahun 2018, iaitu perbezaan sebanyak RM50 juta dengan kadar peningkatan sebanyak 83 peratus dalam jangka masa tujuh tahun. Jumlah peningkatan setiap tahun meningkat daripada RM4 juta pada tahun 2012 hingga RM14 juta pada tahun 2018. Purata kadar kenaikan setiap tahun adalah sebanyak 9.3 peratus. Tahun 2018 dan 2014 menunjukkan data kutipan yang paling tinggi berbanding tahun-tahun yang lain. (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1 Jumlah kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah

Tahun	Jumlah kutipan (RM)	Kenaikan (RM)	Kadar (%)
2012	60,076,880	-	-
	64,278,424	4,201,544	7
2013			
2014	78,020,786	13,742,362	21.4
2015	82,589,365	4,568,579	5.9
2016	86,614,805	4,025,440	4.9
2017	95,813,764	9,198,959	10.6
2018	110,194,087	14,380,323	15

Sumber: Berdasarkan laporan tahunan Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Pejabat Transformasi Zakat Kedah.

Jika kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah ini sentiasa meningkat saban tahun, maka secara tidak langsung jumlah kutipan ini mampu memberikan nilai bantuan yang tinggi dan meningkatkan keadaan ekonomi masyarakat melalui peranan dan pengurusan LZNK. Hal ini juga dapat memberikan kesan yang positif kepada pengurusan LZNK untuk meneruskan aktiviti agihan kepada golongan asnaf yang memerlukan. Antara manfaat yang diagihkan kepada

golongan asnaf (fakir, miskin, amil, *muallaf*, *arriqab*, *al-gharimin*, *fisabilillah* dan *ibnu sabil*) ialah:

- i. Bantuan asnaf
- ii. Bantuan Kewangan
- iii. Bantuan Sara hidup
- iv. Bantuan Perubatan dan Rawatan
- v. Bantuan Perumahan
- vi. Bantuan Perniagaan/ Jaya diri
- vii. Bantuan Musibah Alam
- viii. Bantuan Pembangunan Ummah
- ix. Bantuan Pendidikan
- x. Pembangunan asnaf: Pusat Kemahiran Jahitan dan Pondok Moden Zakat Kedah
- xi. Program agihan ke Pusat Haemodialisis, PUSBA, Program Pendidikan dan Program Kemasyarakatan (CSR).
- xii. Dan lain-lain program.

4. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara kesimpulan, terdapat banyak kelebihan menunaikan zakat terutamanya zakat pendapatan. Berdasarkan jumlah kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah sehingga 2018 adalah berjumlah sebanyak RM110 juta dan berlaku peningkatan RM50 juta dalam tempoh tujuh tahun. Walaupun angka ini adalah relatif tetapi apabila bersandarkan kepada jumlah kutipan dalam tempoh tujuh tahun ini diraih melalui satu kadar perbezaan yang baik, iaitu 83 peratus kenaikan. Berdasarkan kepada trend peningkatan tujuh tahun yang dibuat ini, dijangkakan kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah akan terus meningkat ke tahap yang lebih tinggi menjelang tahun 2025 dengan jumlah kutipan mencecah angka RM200 juta.

Oleh itu, zakat pendapatan merupakan salah satu instrumen penting yang dapat memberikan manfaat sama ada kepada individu maupun kepada masyarakat. Tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa kepentingan hasil dana zakat adalah sebagai satu instrumen kewangan dan sumber pembangunan ekonomi Islam yang berpotensi membasmi jurang kemiskinan dan seterusnya dapat mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, pelaksanaan zakat pendapatan dalam sesbuah negara dapat meningkatkan syiar Islam serta menjamin nilai dan akhlak masyarakat dalam meningkatkan kestabilan sosial ke tahap yang lebih baik. Pihak LZNK juga perlu meneruskan kecemerlangan dari sudut pengurusan, kutipan dan agihan ke tahap yang lebih cemerlang lagi dengan memperkemaskan lagi urus tadbir yang baik dan menjadi pusat peningkatan sosial dan ekonomi ummah ke tahap yang tinggi dan disegani.

Sesungguhnya menunaikan zakat pendapatan merupakan salah satu ibadah yang dituntut dalam zakat kerana ia dapat menjana pembangunan ekonomi dan kelastarian hidup masyarakat ke tahap yang lebih tinggi, malah ia juga mampu membersih dan menyucikan harta individu tersebut serta memperoleh ganjaran besar di sisi Allah SWT. Ganjaran dan pahala menunaikan zakat ialah suatu perkara asing dan tersendiri, malah menunaikan zakat pendapatan akan menjadikan harta yang dicari itu menjadi suci dan subur. Allah SWT telah menyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat), supaya tengannya engkuu membersihkan mereka (daripada kesan dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk).”

(Terjemahan surah at-Taubah, 9:103)

5. PENGHARGAAN

Sebagai penghargaan, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia (UUM), pihak Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) dan juga agensi luar Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atas Skim Geran Agensi Luar Awam (Fasa 1/2018/Kod S/O: 14241) yang telah diluluskan.

RUJUKAN

- Ahmad Ibn Hanbal. (1981). *Masa'il al-Imam Ahmad: Riwayat Ibnuhu 'Abdullah bin Ahmad*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Al-'Aydarus, Zayn Muhammad Hussayn. (2014). *Al-Khulasah fi Fiqh al-Mu'amalat wa yalihi al-Khulasah fi Fiqh Zakah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Tarim: Maktabah Tarim al-Hadithah.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin & Noor Hamizah Saidin. (2015). *Analisis Kepatuhan Menghitung Zakat Berdasarkan Sumber Pendapatan*. Dalam Nor Aini Ali, Azizi Che Seman & Mohammad Taqiuddin Mohamad. *Isu Kotemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Ibn Hazm. (1349H). *Al-Muhalla*. Mesir: al-Taba'ah al-Muniriyah.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2002). *Peranan Zakat dalam Pembangunan Ummah*. Dalam, Nik Mustapha Nik Hassan (Ed.). *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Muhammad Zakariyya Khandhalawi. (2016). *Terjemahan Kitab Fadilat Sedekah*. (Penterjemah: Muhammad Razif Abd Wahab). Kuala Lumpur: Maktabah Ilmiah Sdn Bhd.
- Muhammad Ghazali. (2005). *Al-Islam wa al-Awda' al-Iqtisadiyyah*. Kaherah: Nahdah al-Misr.
- Perlembagaan Persekutuan. (2006). Percetakan Nasional Berhad.
- Razali Md Jani & Muhsin Nor Paizin. (2017). *Zakat Pendapatan Konsep Hawaij Asliyyah Mendasari Perbelanjaan Isi Rumah*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.